

NOTA AMALAN NO. 1/2022

PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN DEFINISI KILANG BAGI TUJUAN TUNTUTAN ELAUN PELABURAN SEMULA DI BAWAH JADUAL 7A AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967


1. Nota Amalan ini dikeluarkan bagi menerangkan maksud 'kilang' yang dinyatakan di dalam perenggan 9 Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
2. Kilang ertinya "bahagian keluasan lantai sebuah bangunan atau suatu sambungan kepada sebuah bangunan yang digunakan bagi tujuan projek yang layak untuk menempatkan atau memasang loji atau jentera atau untuk menyimpan apa-apa bahan mentah, atau barangan atau bahan yang dikilang sebelum dijual:

Dengan syarat bahawa berhubung bahagian bangunan atau sambungan kepada bangunan yang digunakan untuk penyimpanan bahan mentah, atau barangan atau bahan, atau kedua-duanya, ia mestilah tidak lebih daripada satu persepuluh daripada jumlah keluasan lantai bangunan atau sambungan kepada bangunan tersebut;"

3. Penggunaan ruang bagi tujuan penyimpanan bahan mentah atau barangan lain atau kedua-duanya yang melebihi satu persepuluh daripada jumlah keseluruhan keluasan lantai kilang tidak boleh diambil kira dalam pengiraan tuntutan elaun pelaburan semula (EPS) di bawah Jadual 7A ACP. Dengan kata lain, hanya bahagian yang digunakan bagi tujuan suatu projek yang layak sahaja yang memenuhi maksud 'kilang' dan boleh dibenarkan tuntutan EPS tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
4. Layanan percukaian ini juga terpakai dalam keadaan penyambungan atau penambahan kepada suatu bangunan kilang sedia ada.

Contoh 1:

Syarikat A membina suatu sambungan kepada bangunan kilang sedia ada bagi projek pembesaran kepada operasi pengilangan yang dijalankan. Luas keseluruhan sambungan kepada bangunan tersebut ialah 10,000 kaki persegi (kps). Sebahagian ruang sambungan tersebut dengan keluasan 3,000 kps digunakan untuk menyimpan bahan mentah manakala selebihnya lagi digunakan sebagai ruang bagi menempatkan loji atau jentera seperti berikut:




Perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembinaan ruang penempatan atau pemasangan loji atau jentera dalam projek pembesaran ini (7,000 kps) layak untuk EPS. Ruang penyimpanan bahan mentah (3,000 kps) tidak layak tuntutan EPS kerana tidak memenuhi maksud 'kilang' memandangkan ruang tersebut melebihi satu per sepuluh (1/10) iaitu 30% (3,000 kps / 10,000 kps x 100%) daripada jumlah keseluruhan keluasan sambungan kepada bangunan sedia ada tersebut.

5. Dalam keadaan suatu bahagian sambungan kepada bangunan digunakan untuk pelbagai tujuan selain daripada projek yang layak, hanya bahagian sambungan kepada bangunan yang digunakan bagi tujuan projek yang layak sahaja boleh dibenarkan tuntutan EPS.

Contoh 2:

Syarikat B meluaskan kawasan pengeluaran produk yang dikilangkan dengan membuat suatu sambungan kepada sebuah bangunan kilang sedia ada. Jumlah penambahan keluasan sambungan adalah 100,000 kps. Selain daripada menempatkan loji atau jentera, sebahagian sambungan kepada bangunan tersebut juga digunakan sebagai pejabat jualan dan sebahagian lagi digunakan sebagai ruang penyimpanan barangan siap. Penggunaan jumlah ruang dalam sambungan tersebut ditunjukkan seperti berikut:



Ruang pejabat jualan tidak termasuk dalam definisi 'kilang' di bawah perenggan 9 Jadual 7A ACP. Oleh itu, jumlah keluasan ruang pejabat jualan hendaklah dikeluarkan bagi maksud penentuan 'kilang' atau ruang yang digunakan bagi tujuan suatu projek yang layak. Memandangkan pejabat jualan tidak memenuhi maksud 'kilang', maka perbelanjaan bagi ruang pejabat jualan tersebut bukan merupakan perbelanjaan yang layak bagi maksud Jadual 7A ACP.

Penentuan kelayakan EPS bagi ruang penyimpanan barangan siap hendaklah berdasarkan nisbah keluasan ruang penyimpanan tersebut (8,000 kps) dengan jumlah keseluruhan keluasan projek pembesaran, iaitu ruang penyimpanan barangan siap dan ruang untuk menempatkan atau memasang loji atau jentera (8,000 kps + 67,000 kps).

Oleh kerana luas ruang penyimpanan barangan siap telah melebihi satu per sepuluh (1/10) iaitu 10.67% ($8,000 \text{ kps} / 75,000 \text{ kps} \times 100\%$) daripada jumlah keseluruhan keluasan projek pembesaran, ruang penyimpanan tersebut tidak memenuhi maksud 'kilang' dan tidak layak diberikan EPS. Hanya kos pembinaan bagi ruang yang digunakan untuk menempatkan atau memasang loji atau jentera (67,000 kps) layak diberikan tuntutan EPS tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

6. Layanan cukai ini terpakai selagi mana keluasan ruang penyimpanan bahan mentah, barangan atau bahan atau kedua-duanya tidak melebihi satu per sepuluh (1/10) daripada jumlah keseluruhan keluasan sambungan kepada bangunan yang digunakan bagi tujuan projek yang layak.

Contoh 3:

Syarikat C melakukan suatu projek pembesaran bagi perniagaan pengilangan syarikat dengan menyambung bangunan kilang sedia ada untuk pemasangan loji atau jentera, penyimpanan bahan dan juga sebuah pejabat jualan. Penggunaan ruang dalam sambungan kepada bangunan kilang tersebut ditunjukkan seperti berikut:

Bangunan kilang sedia ada	Ruangan penyimpanan bahan-bahan (15,000 kps)	Ruang digunakan untuk menempatkan atau memasang loji atau jentera (65,000 kps)
	Pejabat jualan (20,000 kps)	

Sambungan kepada bangunan kilang sedia ada yang
digunakan bagi tujuan projek pembesaran

Bagi pengiraan EPS, hanya bahagian kepada ruang yang digunakan untuk menempatkan atau memasang loji atau jentera memenuhi maksud 'kilang' dan layak diberikan tuntutan EPS. Ruang penyimpanan bahan tidak memenuhi maksud 'kilang' kerana ruang tersebut melebihi satu per sepuluh (1/10) iaitu 18.75% (15,000 kps / 80,000 kps x 100%) daripada jumlah keseluruhan keluasan sambungan kepada bangunan yang digunakan bagi tujuan projek pembesaran. Bahagian pejabat jualan tidak diambil kira dalam pengiraan keseluruhan kawasan projek pembesaran kerana ia tidak memenuhi takrifan 'kilang'.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 17 JANUARI 2022